

MAHKAMAH PERSEKUTUAN,
BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD,
JALAN RAJA,
50506 KUALA LUMPUR.

(66)d/m.JK/MA 16
Jld.III
22 Disember, 1994.

Timbalan Pendaftar,
Mahkamah Tinggi Malaya/Sabah dan Sarawak.

Hakim Mahkamah Sesyen,
Semenanjung Malaysia/Sabah dan Sarawak.

Majistret,
Mahkamah Majistret,
Semenanjung Malaysia/Sabah dan Sarawak.

Tuan/Puan,

PEKELILING KETUA PENDAFTAR NO. 7 TAHUN 1994

Pendaftaran Fail Secara Sistem Docket

Adalah dimaklumkan bahawa mulai 1 Januari, 1995 semua pendaftaran fail di mahkamah hendaklah menggunakan sistem docket. Perubahan kepada sistem docket ini tidak melibatkan sistem pendaftaran klasifikasi kod yang digunakan sekarang. Sistem docket ini bertujuan untuk menggantikan proses merekodkan fail-fail di dalam buku-buku daftar berjilid yang susah hendak dibuat rujukan.

2. Untuk mendaftarkan fail secara sistem docket, tuan/puan bolehlah merujuk Arahan Perkhidmatan perenggan 6(a) sebagai panduan. Semua Pengurus Pusat Tanggungjawab telahpun diberikan taklimat mengenainya pada 17 Disember, 1994. Senaskah buku Panduan Sistem Docket Jabatan Kehakiman Malaysia dibekalkan kepada pegawai-pegawai tersebut.

3. Adalah ditegaskan bahawa dengan penggunaan sistem docket ini setiap pergerakan/kedudukan fail hendaklah dikemaskinikan pada setiap masa untuk kemudahan rujukan dan kemajuan pentadbiran mahkamah.




- 2 -

Sekian, terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,


(ZAINUN BT ALI)
Ketua Pendaftar,
Mahkamah Persekutuan Malaysia,
Kuala Lumpur.

s.k.

Y.A.A. Ketua Hakim Negara.

Y.A.A. Hakim Besar Malaya.

Y.A.A. Hakim Besar Sabah dan Sarawak.

Y.A.A. Presiden Mahkamah Rayuan.

Pendaftar,
Mahkamah Tinggi Malaya/Sabah dan Sarawak.

Presiden,
Majlis Peguam Malaysia,
Kuala Lumpur.

PN/fh